


RONA TINTA

EDISI 2025



FAKULTI PENGURUSAN & PERNIAGAAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS REMBAU





SENI TEKAT BENANG EMAS: WARISAN GEMILANG DARI PERAK YANG TETAP BERSINAR

Syazliana Kasim

Di balik gemerlapan dunia moden yang sarat dengan teknologi dan rekaan kontemporari, masih ada seni tradisional yang terus bernafas indah dalam diam — seni tekat benang emas. Seni halus yang berasal dari negeri Perak ini bukan sekadar hasil tangan, tetapi lambang ketelitian, kesabaran, dan kehalusan budi masyarakat Melayu. Setiap jahitan benang emas yang disulam pada kain baldu bukan sekadar menghiasi, tetapi mengungkap kisah sejarah, simbol kebesaran, dan warisan bangsa yang tidak ternilai.

Asal-usul seni tekat ini dipercayai bermula sekitar abad ke-15 hingga ke-16, ketika pengaruh istana Melayu mencapai kemuncak kegemilangan. Di Perak khususnya, seni tekat mula berkembang pesat di sekitar kawasan Kuala Kangsar, daerah yang terkenal sebagai pusat pemerintahan diraja dan lambang warisan kebudayaan negeri. Ketika itu, seni tekat bukanlah untuk sembarangan orang; ia hanya dihasilkan untuk golongan bangsawan dan kerabat diraja. Tekatan benang emas pada kain baldu merah, kuning atau ungu menjadi tanda kemegahan dan kemuliaan, menghiasi pakaian rasmi, hiasan pelamin, kusyen diraja, serta peralatan istiadat seperti tepak sirih dan kelengkapan adat perkahwinan.

Proses menghasilkan tekat bukanlah sesuatu yang mudah. Ia memerlukan tangan yang sabar, mata yang teliti, dan jiwa yang penuh cinta terhadap seni. Kain baldu akan direntang tegang di atas pemedang, kemudian corak tradisional, biasanya berasaskan flora, awan larat, atau motif geometri Melayu yang akan dilakar terlebih dahulu. Benang emas tulen, yang suatu ketika dahulu diimport khas dari India atau Eropah, digunakan untuk membentuk hiasan timbul dengan cara menyulamnya di atas kertas tebal atau lapisan kapas yang diletakkan di bawah corak. Teknik ini menghasilkan kesan tiga dimensi yang menjadi ciri utama seni tekat Perak. Tidak hairanlah, hasilnya tampak mewah, seolah-olah berkilau ketika terkena cahaya.

Pada zaman kegemilangan istana Melayu, seni tekat ini menjadi simbol keagungan dan status. Ia digunakan dalam majlis pertabalan sultan, perkahwinan diraja, dan upacara rasmi yang melibatkan istana. Malah, dalam adat Melayu lama, sesuatu hantaran perkahwinan yang disulam dengan tekat benang emas dianggap sebagai tanda kemuliaan dan penghormatan tinggi kepada keluarga pengantin. “Tepak sirih tekat emas” atau “bantal tekat baldu merah” misalnya, menjadi lambang kasih dan keindahan seni tangan wanita Melayu yang halus budinya.

Namun, seiring dengan arus permodenan, seni tekat pernah mengalami zaman suram. Ketika industri moden mula berkembang, generasi muda lebih cenderung memilih kerjaya yang dianggap lebih praktikal dan menguntungkan, manakala seni halus seperti tekat dilihat sebagai sekadar hobi atau warisan lama yang tidak relevan dengan zaman. Ramai penggiat seni tekat yang sudah lanjut usia bimbang bahawa kemahiran ini akan lenyap begitu sahaja apabila mereka tiada lagi untuk mengajarkannya. Namun, mujur juga usaha memelihara warisan ini tidak pernah terhenti.



Gambar 1: Sulaman tekat yang menghiasi kamar pengantin penulis semasa melangsungkan perkahwinan

Di Perak, terutama di Kuala Kangsar, masih terdapat bengkel dan pusat latihan yang mengekalkan seni ini sebagai warisan bangsa. Usaha gigih Jabatan Kraftangan Malaysia dan penggiat seni tempatan memastikan tekat benang emas terus diajar kepada generasi baharu. Kursus, bengkel, dan demonstrasi sering dijalankan agar seni ini tidak hanya tinggal dalam muzium, tetapi terus hidup dalam masyarakat. Bahkan, terdapat juga pengusaha muda yang mula mencipta nafas baharu kepada seni tekat dengan mengetengahkan rekaan moden —seperti beg tangan, sampul pasport, atau hiasan dinding —yang dihasilkan menggunakan teknik tekat tradisional. Gabungan antara tradisi dan inovasi ini menjadikan seni tekat relevan semula dalam dunia moden tanpa kehilangan nilai asalnya.

Seni tekat benang emas bukan sekadar keindahan yang dapat dilihat dengan mata, tetapi keindahan yang dapat dirasakan dengan hati. Ia mencerminkan falsafah hidup masyarakat Melayu yang menyanjung nilai kesopanan, ketelitian, dan kesabaran. Setiap sulaman adalah hasil renungan dan ketekunan; setiap motif mempunyai makna tersendiri. Misalnya, motif bunga tanjung melambangkan keharuman budi, manakala corak awan larat menggambarkan perjalanan hidup yang tiada penghujung, sentiasa berputar dan bersambung dalam harmoni.

Pada masa kini, tekat benang emas juga mendapat tempat dipentas antarabangsa. Ia sering dipamerkan dalam festival seni dan pameran kraf di luar negara, memperkenalkan kehalusan tangan orang Melayu kepada dunia. Dalam dunia fesyen pula, ada pereka tempatan yang mula mengadaptasi corak tekat pada busana moden seperti baju kurung, kebaya, atau aksesori. Walaupun tidak lagi menggunakan benang emas sebenar, yang kini amat mahal, namun kilauan dan kemasan yang menyerupai tetap memberi aura mewah yang tersendiri.

Lebih menarik, seni tekat kini menjadi simbol identiti negeri Perak. Ia bukan sahaja membangkitkan rasa bangga terhadap warisan tempatan, tetapi turut menjadi daya tarikan pelancongan budaya. Pelancong yang berkunjung ke Kuala Kangsar sering terpukau melihat hasil tekat yang dipamerkan di Muzium Tekat dan Galeri Diraja, di mana karya seni ini masih dihasilkan secara tradisional oleh tukang-tukang lama yang penuh berpengalaman. Dalam setiap sulaman itu, terselit kisah tentang kesetiaan kepada seni, cinta kepada budaya, dan kebanggaan terhadap warisan bangsa.

Hakikatnya, seni tekat benang emas bukan sekadar tinggalan masa silam. Ia adalah cermin jati diri dan bukti bahawa seni tradisi mampu hidup subur walau berdepan arus kemodenan. Selagi ada tangan yang mahu menyulam, mata yang mahu menghayati, dan hati yang mahu menghargai, seni tekat akan terus bersinar, sama seperti kilauan benang emasnya yang abadi.